

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

Tingkat Bawah, Menara PTPTN,  
Blok D, Megan Avenue II  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.

Careline: 03-2193 3000  
Portal Rasmi: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)  
Aduan: <http://eaduan.ptptn.gov.my>

**BORANG PENAMAAN SIMPAN SSPN PRIME/ SIMPAN SSPN PLUS****BAHAGIAN 1 – MAKLUMAT PENDEPOSIT**

Nama													
No. K/P													
Alamat Surat Menyurat													
Pilihan Akaun	<input type="checkbox"/>	Simpan SSPN Prime	<input type="checkbox"/>	Simpan SSPN Plus									
No. Akaun													
No. Telefon							E-mel						

**BAHAGIAN 2 – MAKLUMAT PENAMAAN****PENAMA PERTAMA**

Nama													
No. K/P													
Alamat Surat Menyurat													
Hubungan													
No. Telefon							E-mel						

**PENAMA KEDUA**

Nama													
No. K/P													
Alamat Surat Menyurat													
Hubungan													
No. Telefon							E-mel						

**BAHAGIAN 3 – PENGESAHAN PENDEPOSIT**

Saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan di atas adalah benar menurut Akta Akuan Berkanun 1960 dan telah membaca serta memahami makluman Bahagian 4 pada borang ini. Sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar, PTPTN berhak untuk menolak permohonan saya.

Tandatangan Pendeposit

Tarikh :  
Masa :

#### **BAHAGIAN 4 - PENGAKUAN**

1. Saya bersetuju wang simpanan saya dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN Prime / Simpan SSPN Plus) dikelolakan dan diuruskan mengikut undang-undang dan peraturannya.
2. Dengan ini saya mengaku dan mengarahkan bahawa, apabila saya meninggal dunia, wang simpanan saya dalam Simpan SSPN Prime / Simpan SSPN Plus hendaklah dibayar kepada Penama Pertama. Sekiranya Penama Pertama meninggal dunia atau belum mencapai umur 18 tahun atau tidak dapat dikesan dan dapat dibuktikan oleh Penama Kedua, maka hendaklah dibayar kepada Penama Kedua sekiranya berumur 18 tahun semasa tuntutan dibuat.
3. Sekiranya kedua-dua Penama meninggal dunia/ belum mencapai umur 18 tahun, waris lain boleh menuntut wang simpanan saya menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh PTPTN ( Peringatan : Pendeposit perlu membuat penamaan baru dengan segera sekiranya kedua-dua Penama yang dilantik meninggal dunia).
4. Sekiranya penamaan bagi Penama yang dilantik adalah terbatal atas sebab-sebab yang jelas oleh PTPTN, bayaran akan dibuat kepada waris saya berdasarkan Bon Tanggung Rugi yang diisi oleh waris saya bagi simpanan kurang daripada RM3,000. Sekiranya simpanan saya melebihi RM3,000, bayaran akan dibuat kepada waris saya berdasarkan Surat Kuasa Mentadbir/ Geran Probet/ Perintah Pembahagian yang dikemukakan oleh waris saya atau apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh PTPTN.

##### **5. Penamaan Bagi Pendeposit Beragama Islam**

Saya mengaku bahawa Penama yang dilantik adalah wakil kepada waris-waris saya dan akan membahagikan wang itu mengikut Hukum Syarak.

##### **Penamaan Bagi Pendeposit Bukan Beragama Islam**

Saya mengaku bahawa Penama yang dilantik adalah benefisiari kepada simpanan saya.

6. Saya mengaku penamaan ini memansuhkan penamaan yang telah saya buat sebelum ini (jika berkenaan).
7. Sekiranya Penama Pertama atau Kedua diisyihar muflis, mereka perlu membawa surat kebenaran daripada Jabatan Insolvensi Malaysia semasa tuntutan dibuat (jika berkenaan).
8. Sekiranya wang simpanan saya tidak dituntut oleh waris selama 7 tahun atau lebih, maka PTPTN berhak menguruskan wang simpanan saya mengikut undang-undang dan peraturan PTPTN.

#### **Maklumat Am:**

1. Borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan (PPN/ PPC) yang berhampiran (rujuk portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)).
2. Pendeposit hendaklah membawa bersama Kad Pengenalan diri untuk pengesahan.
3. Pendeposit adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Dasar Privasi dan Keselamatan PTPTN sebelum melengkapkan borang. Dasar tersebut boleh dirujuk melalui portal PTPTN atau PPN/ PPC yang berhampiran.
4. PTPTN merupakan salah satu agensi Kerajaan yang melaksanakan myIDENTITY. Sebarang perubahan pada maklumat perhubungan (alamat surat menyurat, nombor telefon mudah alih dan e-mel) akan turut dikemaskini dan digunakan oleh agensi Kerajaan lain yang melaksanakan myIDENTITY (jika berkaitan). Maklumat lanjut berkenaan myIDENTITY boleh dirujuk melalui laman web myIDENTITY di alamat [www.myidentity.gov.my](http://www.myidentity.gov.my).